



METODE IMAM AL-RAZI DALAM BERHUJAH MENGGUNAKAN HADIS BERDASARKAN TAFSIR MAFATIHUL GHAYB

(Interpretation of the Quranic Verses with Reference to the Hadith by al-Razi in His *Mafatih al-Ghaib*)

Nurul Saadah binti Mohammad Zaini¹, Robiatul Adawiyah Mohd²

^{1,2}Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Abstract

Imam Fakhr al-Din al-Razi's Tafsīr Mafatīhul Ghayb is an interpretive book that uses personal reasoning (ijtihad) to analyze Quranic verses. The author's diverse expertise in language, jurisprudence, science, philosophy, and theology influenced his approach significantly. While Imam Al-Razi did not dismiss foundational methods such as Quranic verses, hadith, and the words of companions, the extent of his reliance on hadith in his interpretation is called into question. This study examines Imam Al-Razi's use of hadith in this tafsīr through qualitative text and content analysis. Findings showed that hadith usage primarily centres around jurisprudential matters, with a lack of rigorous selection. Weak hadiths are included without clear verification from their origins. This research contributes to understanding Imam Al-Razi's hadith-based arguments and provides recommendations for using Tafsīr Mafatīhul Ghayb as a study resource. Overall, this tafsīr's approach is characterized by personal reasoning, though its reliance on hadith, particularly for clarifying Quranic meanings, remains as a source of concern.

Keywords: *Al-Quran, Food, Hadith, Method, Tafsīr Mafatīhul Ghayb.*

Article Progress

Received: 17 November 2023

Revised: 24 November 2023

Accepted: 1 December 2023

*Corresponding Author:
Nurul Saadah binti Mohammad Zaini.
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.

Email:
saadahzaini98@gmail.com

PENDAHULUAN

Hadis ialah sumber perundangan Islam kedua selepas al-Quran dan menjadi sumber yang penting dalam kajian yang melibatkan pengajian Islam (Ali, 2016). Hadis ditakrifkan sebagai perkataan, perbuatan atau perakuan yang disandarkan kepada Nabi SAW (Ibrahim, 1984). Menurut Muhammad al-Zuhaily (1992), terdapat lima kepentingan hadis iaitu; (1) sumber kedua umat Islam selepas al-Quran; (2) menjelaskan makna ayat al-Quran; (3) wahyu daripada Allah dalam sudut makna manakala lafaz daripada Nabi SAW (merujuk kepada hadis qudsi); (4) praktikal isi kandungan al-Quran yang diamalkan oleh Nabi SAW; (5) dan sumber utama sirah Nabi SAW. Bagi memahami nas al-Quran, *tafsir bil ma'thur* adalah salah satu tafsir yang paling utama bagi memahami tafsiran al-Quran. *Tafsir bil ma'thur* ialah pentafsiran al-Quran daripada hadis Nabi SAW, para sahabat atau tabiin (Jawad, t.t.). Dalam metode ini, al-Quran ditafsirkan dengan hadis Nabi SAW bagi memperjelas isi kandungan al-Quran. Sebagai contoh, ayat 114, surah Hud menyebut waktu-waktu untuk solat fardu.

“Dan dirikanlah solat, pada dua bahagian siang, dan pada waktu-waktu yang berhampiran dengannya dari waktu malam. Sesungguhnya amal-amal kebaikan itu menghapuskan kejahanan. Perintah-perintah Allah yang demikian adalah menjadi peringatan bagi orang-orang yang selalu mengingat (Allah)”. (Hud, 11: 114)

Jumlah solat tidak dinyatakan dengan jelas dalam ayat ini atau pada mana-mana ayat al-Quran. Maka, Nabi SAW menjelaskan jumlah solat fardu dalam hadisnya:

قال رسول الله ﷺ: خمس صلوات في اليوم والليلة.

Nabi Muhammad (ﷺ) bersabda: Ada lima solat (yang wajib didirikan) pada siang malam (Al-Bukhari, 2001)

Selain *tafsir bil ma'thur*, terdapat juga pentafsiran al-Quran dengan jalan ijtihad yang dinamakan *tafsīr bil ra'yī* (Nur, 2020). Walaupun *tafsīr bil ra'yī* mentafsirkan al-Quran dengan menggunakan ijtihad, namun *tafsīr bil ra'yī* masih perlu melalui syarat-syarat tertentu supaya tafsirannya diterima. Antara syaratnya ialah; (1) pentafsiran sesuai dengan syarak; (2) terhindar daripada kesesatan; (3) pentafsiran dilakukan dengan berasaskan bahasa Arab yang tepat dan uslub yang betul; (4) dan tidak mengabaikan kaedah-kaedah pentafsiran yang penting (Yana, Ahmad Syawaluddin, & Nur Siagian, 2020). Syarat-syarat ini juga menunjukkan bahawa pentafsiran mengikut jalan ijtihad masih perlu berada dalam landasan syarak iaitu tidak bertentangan dengan al-Quran dan hadis.

Antara kitab *tafsīr bil ra'yī* yang masyhur ialah *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* karya Imam Fakhr al-Din al-Razi. Imam Fakhr al-Din al-Razi atau nama sebenarnya Muhammad bin Umar bin al-Husayn bin Ali lahir di bandar Rayy pada bulan Ramadan tahun 544H dan ada pendapat yang mengatakan 543H (Al-Ulwani, 2010). Dari sudut pegangan akidah, Imam al-Razi bermazhab akidah Ahli Sunnah wal Jamaah dan bermazhab Syafie dari sudut fiqh. Beliau berasal daripada keluarga yang berpendidikan agama. Ayahnya bernama Dhiya al-Din Umar, seorang ulamak bermazhab Syafie. Ayahnya merupakan guru pertama dalam kehidupannya (Jamal, Siraj Harahap, & Dalimunthe, 2020). Imam al-Razi belajar di bawah bimbingan ayahnya sehingga ayahnya meninggal dunia pada tahun 559H dan ketika itu, Imam al-Razi berumur 15 tahun (Afif, 2022).

Imam al-Razi merupakan seorang ahli fiqh dan usul fiqh, mutakallim, ahli falsafah, ahli perubatan, ahli tafsir, ahli hikmah, penulis dan imam dalam ilmu-ilmu umum dan ilmu syariah (Sasyanto, Tistigar, & Fakhrioh, 2018). Dalam bidang tafsir, karya teragungnya ialah *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* yang menjadi antara tafsir penting dalam dunia ilmu tafsir al-Quran di samping menghuraikan fiqh, falsafah, linguistik, sejarah dan lain-lain. Tafsir ini bermanfaat kepada para pengkaji yang hendak mengkaji ajaran Islam secara menyeluruh dan komprehensif (Marpaung & Malik, 2014). Imam al-Razi wafat pada tahun 606H (Ibn Asyur, 1970).

Imam al-Razi menggunakan metode *tahlili* dalam menyusun tafsir ini. Langkah-langkah yang diambil oleh beliau adalah seperti berikut (Firdaus, 2018); (1) menyebutkan jumlah ayat pada setiap surah dan jumlah ayat Makkiyyah dan Madaniyyah; (2) mentafsirkan ayat berdasarkan turutan Mushaf Uthmani; (3) setelah mengemukakan ayat yang dijelaskan, beliau menyebut kata ‘فِي الْآيَاتِ الْمُسَالَّةُ’ lalu memasuki pentafsiran ayat dengan memperincikannya kepada beberapa masalah; (4) mentafsirkan ayat al-Quran tersebut dengan pendekatan beberapa ilmu yang beliau kuasai seperti ilmu bahasa, usul, fiqh, qiraat, asababun nuzul, syair dan hadis.

Walaupun para ulama' tafsir mengkategorikan *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* sebagai *tafsīr bil ra'yī* namun, Imam al-Razi masih menukilkan hadis pada ayat-ayat tertentu sebagai penghujahan dalam menjelaskan sesuatu ayat. Oleh itu, kajian ini menghuraikan metode Imam al-Razi dalam berhujah menggunakan hadis berdasarkan *Tafsīr Mafātīhul Ghayb*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan analisis teks dan kandungan terhadap tafsiran ayat al-Quran berkaitan makanan di dalam *Tafsīr Mafātīhul Ghayb*. Tafsiran yang menggunakan hadis dikumpul dan disemak menggunakan aplikasi digital seperti Maktabah Syamilah, *al-Durār al-Saniyyah* dan sunnah.com. Selain itu, kajian ini juga menganalisis kandungan artikel-artikel dan kajian-kajian lepas berkaitan metode al-Razi sebagai penguat dapatan kajian yang diperoleh. Antara kajian yang telah dianalisis ialah ‘Analisis Manhaj Khusus dalam *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* karya al-Razi’, ‘A Scholarly Review of the Methodology of Imam Fakhr al-Din al-Razi in *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* (*Tafsīr al-Kabir*)’, ‘An Analysis of Weak and Fake Narration in *Tafseer Mafateh Ul-Ghaib*’, ‘A Scholarly Review of Some Dhaeef Narration in Imam Fakhruddin al-Razi’s *Tafsīr Mafātīhul Ghayb*’ dan lain-lain rujukan yang berkaitan.

PENGHUJAHAN HADIS NABAWI DI DALAM *TAFSIR MAFĀTĪHUL GHAYB*

Kajian ini mendapati metode yang digunakan Imam al-Razi dalam berhujah menggunakan hadis terbahagi kepada tiga bahagian iaitu; 1) majoriti hadis yang digunakan terbatas dalam persoalan fiqh; 2) tidak selektif dalam penggunaan hadis; 3) dan tiada takhrij yang jelas dinyatakan di dalam *Tafsīr Mafātīhul Ghayb*.

Majoriti Hadis Ditemui dalam Persoalan Fiqh

Kajian ini menemui bahawa Imam al-Razi mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan hadis berkaitan persoalan fiqh. Berdasarkan kajian bertajuk ‘Analisis Manhaj Khusus dalam *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* karya al-Razi’ dan juga kajian bertajuk ‘A Scholarly Review of The Methodology of Imam Fakhr al-Din al-Razi in *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* (*Tafsīr al-Kabir*)’, kajian tersebut menunjukkan hadis yang terdapat di dalam *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* mempunyai jumlah yang sedikit dan kebanyakannya terbatas dalam persoalan fiqh sahaja (Setiawan & Romdoni, 2021; Mahmood, Al-Azhari, & Irfanullah, 2021). Jadual 1 menunjukkan antara hadis yang membincangkan tentang persoalan fiqh.

Jadual 1: Hadis Persoalan Fiqh

Ayat Al-Quran	Hadis	Perbincangan Fiqh
“Dihalalkan bagimu haiwan buruan laut dan makanan (yang berasal) dari laut sebagai makanan yang lazat bagimu, dan bagi orang-orang yang dalam perjalanan...” al-Maidah, 5:96	قال رسول الله ﷺ: هُوَ الظَّهُورُ مَا وُلِدَ الْحَلُولُ مِنْهُ Nabi Muhammad (ﷺ) bersabda: Airnya menyucikan dan yang mati (binatang) halal dimakan (Al-Bukhari, 2001; Al-Razi, 1999)	Hukum makan bangkai haiwan buruan laut (Al-Razi, 1999)

Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati masih ada sebahagian hadis digunakan dalam persoalan selain fiqh. Contohnya, terdapat hadis yang menjelaskan ayat al-Quran berkenaan sifat Allah seperti Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Hadis Berkenaan Sifat Allah

Ayat Al-Quran	Hadis	Perbincangan
“...Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui apa yang tersimpan dalam dadamu”. al-Zumar, 39:7	قال رسول الله ﷺ: إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَيْ صُورَكُمْ وَلَا إِلَيْ أَفْوَالِكُمْ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَشْمَالِكُمْ Nabi Muhammad (ﷺ) bersabda: Sesungguhnya Allah tidak melihat pada rupa-rupa kalian dan kata-kata kalian, akan tetapi Allah melihat pada hati-hati kalian dan amalan-amalan kalian. (Al-Razi, 1999)	Sifat Allah

Hadis ini menjelaskan ayat al-Quran berkaitan kekuasaan Allah SWT dalam mengetahui segala sesuatu sehingga ke dalam hati manusia. Matan hadis seperti yang dinukilkhan di dalam *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* ini tidak ditemui dalam kitab hadis, malah al-Razi tidak mentakhrijkan hadis ini dengan jelas.

Kajian ini mendapati bahwa terdapat matan hadis lain yang membawa makna yang hampir sama dengan hadis tersebut iaitu:

قال رسول الله ﷺ: إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَيْ صُورَكُمْ وَأَفْوَالِكُمْ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ

Sabda Nabi SAW: Sesungguhnya Allah tidak melihat pada rupa-rupa kalian dan harta-harta kalian,

akan tetapi Allah melihat pada hati-hati kalian dan amalan-amalan kalian. (Muslim, t.t.).

Selain itu, terdapat juga hadis lain yang dinukilkhan Imam al-Razi dalam menjelaskan ayat al-Quran berkaitan nikmat melihat Allah. Walaupun manusia tidak mampu melihat Allah di dunia ini, namun Allah memberikan nikmat kepada ahli syurga untuk melihat-Nya di akhirat kelak. Jadual 3 melampirkan hadis berkenaan nikmat melihat Allah.

Jadual 3: Hadis Berkenaan Nikmat Melihat Allah

Ayat Al-Quran	Hadis	Perbincangan
"Wajah-wajah (orang mukmin) pada hari itu berseri. Memandang Tuhan" al-Qiyamah, 75: 22-23	قال رسول الله ﷺ: سَرَّوْنَ رَبِّكُمْ كَمَا تَرَوْنَ الْقَمَرَ لَيْلَةَ الْبَلْدِ لَا تُضَامُونَ فِي رُؤُبِّيهِ Nabi Muhammad (ﷺ) bersabda: Kalian akan melihat Tuhan kalian sepetimana kalian melihat bulan purnama di waktu malam, dan kalian tidak akan mempunyai masalah untuk melihat-Nya (Al-Razi, 1999)	Tauhid: Nikmat melihat Allah di syurga

Namun, matan hadis yang dinukilkhan Imam al-Razi di dalam kitab ini tidak ditemui di dalam kitab-kitab hadis. Kajian ini menemui matan hadis yang membawa makna yang hampir sama dengan hadis yang dinukilkhan Imam al-Razi iaitu:

قال رسول الله ﷺ: إِنَّكُمْ سَرَّوْنَ رَبِّكُمْ كَمَا تَرَوْنَ هَذَا الْقَمَرَ لَا تُضَامُونَ فِي رُؤُبِّيهِ

Maksudnya: Nabi Muhammad (ﷺ) bersabda: Kalian akan melihat Tuhan kalian sepetimana kalian melihat bulan ini, dan kalian tidak akan mempunyai masalah untuk melihat-Nya. (Al-Bukhari, 2001; Muslim, t.t.)

Nas al-Quran dan hadis ini menjadi dalil kepada kebolehan ahli syurga melihat Allah di akhirat kelak. Hal ini menjadi pegangan kepada ahli sunnah wal jamaah (Tarmizi, 2020).

Justeru, Imam al-Razi menggunakan hadis di dalam *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* dalam membahaskan kebanyakan persoalan fiqh di samping masih ada hadis yang digunakan dalam perbahasan selain perkara melibatkan fiqh.

Tidak Selektif dalam Pemilihan Hadis

Penulis mendapati Imam al-Razi telah menukilkhan pelbagai hadis yang tidak dikhususkan kepada hadis *sahīh, hasan* dan *dhaīf*(yang ringan) sahaja, tetapi ada hadis yang berstatus *dhaīf*(yang berat). Menurut Ibnu Solah (1863), hadis dibahagikan kepada tiga jenis iaitu *sahīh, hasan* dan *dhaīf*. Manakala, menurut Subhi Ibrahim (1984), terdapat juga hadis palsu yang disebut sebagai hadis *maudhu'* tetapi tidak termasuk dalam kategori hadis kerana pada hakikatnya hadis palsu bukanlah hadis daripada Nabi SAW.

Pentafsiran al-Quran dengan merujuk kepada hadis Rasulullah SAW adalah suatu keperluan kerana hadis ialah sumber ajaran Islam kedua selepas al-Quran (Rosyanti, 2018). *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* ialah sebuah kitab tafsir yang masyhur. Namun begitu, Imam al-Razi telah menukilkhan beberapa riwayat hadis yang lemah di dalamnya (Khan & Ullah, 2018). Antara contoh hadis yang lemah di dalam kitab beliau adalah seperti di jadual 4.

Jadual 4: Hadis Lemah dalam *Tafsīr Mafātīhul Ghayb*

Ayat Al-Quran	Hadis
<p>"Dan Dialah yang menurunkan air dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu segala macam tumbuh-tumbuhan, maka Kami keluarkan dari tumbuh-tumbuhan itu tanaman yang menghijau, Kami keluarkan dari tanaman yang menghijau itu butir yang banyak dan dari mayang kurma, mengurai tangkai-tangkai yang menjulai, dan kebun-kebun anggur, dan Kami keluarkan pula zaitun dan delima yang serupa dan tidak serupa..."</p> <p style="text-align: right;">Al-Anaam, 6:99</p>	<p>قال رسول الله ﷺ: أَكْرِمُوا عِمَّتَكُمُ النَّخْلَةَ، فَإِنَّمَا خُلِقْتُ مِنْ طِينٍ</p> <p style="text-align: right;">طينة آدم</p> <p>Nabi Muhammad (ﷺ) bersabda: Muliakanlah ibu saudara kalian iaitu pohon kurma. Kerana sesungguhnya ia diciptakan daripada tanah yang diciptakan daripadanya Nabi Adam. (Al-Razi, 1999)</p>

Matan hadis ini tidak ditemui di dalam kitab-kitab hadis tetapi terdapat matan hadis yang membawa makna yang hampir sama dengan hadis tersebut dan berstatus lemah iaitu:

قال رسول الله ﷺ: أَكْرِمُوا عِمَّتَكُمُ النَّخْلَةَ فَإِنَّمَا خُلِقْتُ مِنْ الطِينِ الَّذِي خُلِقَ مِنْهُ آدُمُ

Maksudnya: Nabi Muhammad (ﷺ) bersabda: Muliakanlah ibu saudara kalian iaitu pohon kurma. Kerana sesungguhnya ia diciptakan daripada tanah yang diciptakan daripadanya Nabi Adam. (Al-Suyuthi, t.t.; Al-Karmi, 1998).

Kajian ini telah menemukan maklumat terperinci tentang hadis di atas seperti di bawah:

Sumber pertama: *Al-Durār al-Muntathirah*

No hadis: 97

Perawi: Abdullah ibn Abbas

Riwayat: Al-Suyuthi

Status: **Dhaīf**

Sumber kedua: *Al-Fawāid al-Maudhu'a'h*

No hadis: 62

Perawi:-

Riwayat: Mar'i al-Karmi

Status: **Dhaīf**

Imam Al-Razi tidak mengkhususkan penggunaan hadis yang *sahīh* atau *hasan* di dalam tafsirnya. Walaupun terdapat hadis yang berstatus *sahīh* dan *hasan*, pembaca kitab ini masih boleh menemui hadis-hadis yang berstatus *dhaīf* yang memerlukan kepada penelitian yang terperinci untuk berhujah dan beramal dengannya.

Tiada Takhrij yang Jelas Dinyatakan

Menurut Mahmud al-Thahhan (1978), takhrij adalah usaha menunjukkan kedudukan sesuatu hadis pada sumbernya yang asal berserta sanad hadis dan menjelaskan status hadis tersebut bergantung kepada keperluan. Di dalam kitab *Al-Takhrij wa Dirasah al-Asanid* telah dicatatkan lima faedah ilmu takhrij iaitu (Al-Auni, t.t.); (1) faedah paling besar ialah dapat membezakan hadis yang sahih dan yang selainnya; (2) mengetahui hadis yang boleh diamalkan dan yang tidak boleh diamalkan; (3) mengetahui hadis yang boleh diambil hukum daripadanya dan yang tidak boleh diambil hukum daripadanya; (4) mengetahui hadis yang wajib dipegang kerana menjadi dalil akidah dan hadis yang tidak boleh dipegang seperti hadis palsu; (5) dan menjaga sunnah supaya kekal sehingga hari kiamat.

Penjelasan sumber hadis dalam sesuatu pentafsiran al-Quran amat penting kerana kebanyakan umat

Islam yang tidak mendalami ilmu-ilmu khusus berkaitan pengajian hadis akan mudah mempercayai dan mengamalkan hadis tanpa mengambil berat statusnya sama ada hadis tersebut boleh diterima sebagai hujah dalam pengamalan ataupun ditolak (Mohd Shukri, 2020). Takhrij hadis menjadi salah satu usaha yang penting dalam berhujah menggunakan hadis. Walau bagaimanapun, penulis berpendapat Imam al-Razi tidak menjelaskan takhrij hadis secara terperinci bahkan asal usul hadis juga tidak dinukilkan. Tiada siasatan terhadap kesahihan hadis yang digunakan di dalam *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* dan Imam al Razi tidak mementingkan keseluruhan sanad hadis tersebut (Mahmood, Al-Azhari, & Irfanullah, 2021). Sebagai contoh, Gambar 1 di bawah menunjukkan petikan hadis yang dinukilkan di dalam *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* tanpa takhrij yang jelas.

Gambar 1: Keratan *Tafsīr Mafātīhul Ghayb*

قوله تعالى «إنما حرم عليكم» مودة النقرة	١٦
<p>﴿السَّلَةُ الثَّالِثَةُ﴾ الْمِيَةَ مِنْ حِيتَ الْمُتَّهِي حِرْجٌ مِّنْ أَنْ يَكُونَ حَيًّا مِّنْ دُونِ نَفْسِهِ وَلِنَذْلِكَ فَرَقُوا بَيْنَ الْمُقْتَولِ وَالْمَيِّتِ ، وَأَمَّا مِنْ حَرْمَةِ الشَّرْعِ فَهُوَ غَيْرُ الْمَذْكُورِ إِمَّا لِمَا يَدْبِغُ أَوْ وَقَدْ قَالَ تَعَالَى فِي سُورَةِ الْمَائِدَةِ «حَرَمَتْ عَلَيْكُمُ الْمِيَةُ وَالْمَدْمُ» ثُمَّ ذَكَرَ مِنْ بَعْدِهِ الْمُخْنَفَةُ وَالْمُؤْوَذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ تَدَلُّ هَذَا عَلَى أَنَّ غَيْرَ الْمَذْكُورِ إِنَّمَا هُوَ مَيَةٌ وَمَنْ مَا لَيْسَ كَذَلِكَ ، فَلَا تَعْلَمُ الْأَمْرَ كَانَ فِي ابْتِدَاءِ الشَّرْعِ عَلَى أَصْلِ الْمُتَّهِي ، وَأَمَّا بَعْدَ اسْتِرْقَارِ الشَّرْعِ فَالْمِيَةُ مَا ذَكَرْنَا وَاللهُ أَعْلَمُ .</p> <p>أَمَّا الْمَقْاصِدُ فَاعْلَمُ أَنَّ الْخَطِيَّةَ فِي الْمِيَاتِ الْمُسْتَبْتَنَةِ مِنْ هَذِهِ الْمِيَةِ مِنْ وَهْبِيْنَ «أَحَدُهُمَا» مَا أَخْرَجَهُ عَنِ الْآيَةِ وَهُوَ دَاخِلُ فِيهَا (وَالثَّانِي) مَا أَدْخَلَهُ فِيهَا وَهُوَ خَارِجُ عَنِهَا .</p>	﴿أَمَّا الْفَسْدُ الْأَوَّلُ﴾ فَقِيمَةُ مَسَائلُ :
<p>﴿السَّلَةُ الْأَوَّلُ﴾ ذَهَبَ الشَّافِعِيُّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فِي أَظْهَرِ أَقْوَالِهِ إِلَى أَنَّهُ يَحْرِمُ الْإِنْتَاجَ بِصَوْفِ الْمِيَةِ وَيَمْسِرُهَا وَيَعْلَمُهَا وَيَعْلَمُهُمْ وَقَالَ مَالِكٌ : يَحْرِمُ الْإِنْتَاجَ بِعَظَمَتِهِ خَاصَّةً وَجَلَّ الْفَقَاهَةَ اتَّقَوْا عَلَى تَحْرِمِ الْإِنْتَاجِ بِشَعْرِ الْمُتَّهِيِّ ، وَاحْتَجَ هُوَ لِلْأَنْتَاجِ بِأَنَّهُ هَذِهِ الْأَشْيَاءُ مِيَةٌ فَوْجِبَ أَنْ يَحْرِمَ الْإِنْتَاجَ بِهَا ، إِنَّمَا قَاتَلَ إِنَّمَا مِيَةَ الْقَوْلَهُ عَلَيْهِ السَّلَامُ «مَا أَبْيَنَ مِنْ حَيٍّ فَهُوَ مَيَةٌ» وَهَذِهِ الْمِيَةُ يَحْرِمُ الشَّرْعَ وَالْمَعْظَمَ وَالْكَلْمَ وَأَمَّا الْمَذْكُورُ يَدْلِيلُ عَلَى أَنَّ الْمَعْظَمَ مِيَةٌ فَقَوْلُهُ تَعَالَى «مِنْ بَعْدِ الْعَظَمِ وَهِيَ رَمِيمٌ» فَبَيْنَ أَنَّهَا كَانَتْ حَيَّةً فَنَدَدَ الْمَوْتُ تَصْبِيرَهُ مِيَةٌ وَإِذَا ثَبَتَ أَنَّهَا مِيَةٌ وَجَبَ أَنْ يَحْرِمَ الْإِنْتَاجَ بِهَا لَقَوْلُهُ تَعَالَى (حَرَمَتْ عَلَيْكُمُ الْمِيَةُ) اعْتَرَضَ الْمُخَالِفُ عَلَيْهِ بِأَنَّ الشَّعْرَ وَالصَّوْفَ لَا حَيَاةَ فِيهِ ، لَأَنَّ حَكْمَ الْحَيَاةِ الْإِدَارَكَ وَالشَّعْرَ وَذَلِكَ مَفْقُودٌ فِي الشَّعْرِ وَلِأَجْلِ هَذِهِ الْكَلَامِ ذَهَبَ مَالِكُ إِلَى تَنْجِيزِ الْعَظَمِ دُونَ الشَّعْرِ .</p> <p>(وَالْجِنَوَابُ) أَنَّ الْحَيَاةَ لِيَسْتَ عِبَارَةً عَنِ الْمَعْنَى الْمُقْتَضَى لِلْمُدَرَّكَ وَالشَّعْرُ بِدَلِيلِ الْآيَةِ وَالْخَيْرُ أَرْضًا مِيَةٌ فِيهِ لَهُ «الْأَصْلُ فِي الْإِلَاطِقِ الْمُقْتَضَى» ، عَمِلَنَا أَنَّ الْمِيَةَ فِي أَصْلِ الْمُتَّهِي لِيَسْتَ عِبَارَةً عَنِ ذَكْرِهِ فَوْهُ ، بَلْ عَنِ كُوْنِ الْحَيَّوَانِ أَوِ النَّبَاتِ صَحِحًا فِي مَرَاجِعِ مُعْتَدِلِهِ فِي حَالِهِ غَيْرِ مُعْتَرِضٍ لِلْفَسَادِ وَالْتَّفَرِقِ ، وَإِذَا ثَبَتَ ذَلِكَ ظَهَرَ انْدِرَاجُهُ مِيَةً الْآيَةِ ، وَاحْتَجَ أَبْرُو حِينَيَّةً بِالْقُرْآنِ وَالْخَيْرِ وَالْإِجَامَعِ وَالْقِيَاسِ ، أَمَّا الْقُرْآنُ فَقَوْلُهُ تَعَالَى «مِنْ أَصْوَافِهَا وَأَوْبَارِهَا إِلَيَّاً وَمَعَانِيًّا إِلَى حَيْنٍ» حِيثُ ذَكَرَهَا فِي مَعْرِضِ الْأَنْتَاجِ ، وَالْأَمْبَانَ لَا يَقْعُدُ النَّجِسُ الْمَذْكُورُ لَا يَمْلِئُ الْإِنْتَاجَ بِهِ ، وَأَمَّا الْخَيْرُ فَقَوْلُهُ عَلَيْهِ السَّلَامُ فِي شَاهِ مِيمُونَةٍ «إِنَّمَا حَرَمَ مِنَ الْمَيَةِ إِكْلَهَا وَأَمَّا الْإِجَامَعُ ، فَهُوَ أَهْمَمُهُمْ كَانُوا لَا يَلِيسُونَ جَلَدَ الشَّعَالِ ، وَيَمْلَئُونَ مِنْهَا الْقَلَانِسَ ، وَعِنْ التَّخْفِيِّ : كَانُوا لَا يَرُونَ بِجَلَدِهِ</p>	قال رسول الله ﷺ : ما أَبْيَنَ مِنْ حَيٍّ فَهُوَ مَيَةٌ
<p>“Sesungguhnya Dia hanya mengharamkan atasmu bangkai, darah, daging babi dan haiwan yang disembelih dengan menyebut nama selain Allah...” al-Baqarah, 2:173</p>	Nabi Muhammad (ﷺ) bersabda: Apa yang terpotong daripada benda hidup, maka ia bangkai. (Al-Razi, 1999)

Jadual 4: Hadis yang Tidak Mempunyai Takhrij

Ayat Al-Quran	Hadis
<p>“Sesungguhnya Dia hanya mengharamkan atasmu bangkai, darah, daging babi dan haiwan yang disembelih dengan menyebut nama selain Allah...” al-Baqarah, 2:173</p>	<p>قال رسول الله ﷺ : ما أَبْيَنَ مِنْ حَيٍّ فَهُوَ مَيَةٌ Nabi Muhammad (ﷺ) bersabda: Apa yang terpotong daripada benda hidup, maka ia bangkai. (Al-Razi, 1999)</p>

Hadis ini menjelaskan ayat al-Quran yang berkaitan hukum memakan bangkai. Kajian ini mendapati matan hadis yang dinukilkan di dalam *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* ini tidak ditemui dalam kitab-kitab hadis, malah al-Razi tidak mentakhrijkan hadis ini dengan jelas. Walau bagaimanapun, terdapat matan hadis lain yang membawa makna yang hampir sama dengan hadis tersebut iaitu:

قال رسول الله ﷺ: ما قُطِعَ مِنْ الْبَهِيمَةِ وَهِيَ حَيَّةٌ فَهِيَ مَيَةٌ

Maksudnya: Nabi Muhammad (ﷺ) bersabda: Bahagian tubuh haiwan yang terpotong ialah bangkai. (Al-Tirmidhi, 1998; Abu Dawud, t.t.).

Berikut adalah maklumat yang terperinci tentang takhrij hadis di atas:

Sumber pertama: *Sunan Abi Dawud*

No hadis: 2858

Perawi: Abu Waqid

Riwayat: Abu Dawud

Status: **Sahīh**

Sumber kedua: *Jamī' Al-Tirmidhi*

No hadis: 1480

Perawi: Abu Waqid

Riwayat: Al-Tirmidhi

Status: **Hasan**

Takhrij hadis amat penting terutamanya untuk memastikan sesuatu hadis itu boleh diterima ataupun tidak diterima. Oleh itu, penelitian terhadap hadis di dalam *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* perlu dijalankan oleh para pengkaji tafsir ini memandangkan Imam al-Razi tidak menjelaskan takhrij hadis secara terperinci dari sudut asal usulnya dan status hadisnya.

KESIMPULAN

Tafsīr Mafātīhul Ghayb adalah sebuah karya agung Imam al-Razi. Tafsir ini telah memberi banyak manfaat kepada umat Islam khususnya dalam bidang pengajian tafsir al-Quran. Walaupun tafsir ini menggunakan pendekatan ijтиhad (*tafsīr bil ra'yī*), Imam al-Razi masih menukilkan riwayat hadis dalam penghujahannya kebanyakannya dalam persoalan fiqh. Walau bagaimanapun, kebanyakan hadis yang dinukilkan tidak begitu selektif dan tidak menyatakan takhrij hadis dengan jelas. Justeru, cadangan bagi para pengkaji *Tafsīr Mafātīhul Ghayb* agar dapat memperkasakan usaha dan mengkaji secara terperinci berkenaan penghujahan hadis di dalam *Tafsīr Mafātīhul Ghayb*. Dapatkan kajian ini membuktikan bahawa tafsir ini bukan sahaja dapat dimanfaatkan secara maksima dalam bidang pengajian tafsir al-Quran sahaja namun ia juga memberi impak yang besar dalam bidang ilmu pengajian hadis Nabi SAW.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini mendapat sokongan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah Skim Geran FRGS- FRGS/1/2020/SSI0/USIM/02/5 - Pendekatan Baharu dalam Penjagaan Kesihatan Berasaskan Nutrigenomik Menurut Perspektif Quran, Sunnah dan Manuskipri Perubatan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mesngiytharkan tiada kepentingan persaingan mengenai penulisan artikel ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Melalui penyelidikan ini, Nurul Saadah mengumpul dan menganalisis data kajian manakala Robiatul Adawiyah melalukan semakan data dan hasil dapatan kajian.

RUJUKAN

- Abu Dawud, S. b. (t.t.). *Sunan Abi Dawud*. Beirut: Maktabah al-Asriyyah.
- Afif, A. S. (2022). Konsep Jiwa dalam Pemikiran al-Razi: Analisis Pentafsiran Konsep Jiwa dalam Kitab Tafsir al-Kabir aw Mafatih al-Ghayb Karya Fakhr al-Din al-Razi. *PhD Tesis*.
- Al-Auni, H. b. (t.t.). *Al-Takhrij wa Dirasah al-Asanid*.
- Al-Bukhari. (2001). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath.
- Ali, M. (2016). Sejarah dan Kedudukan Sanad dalam Hadis Nabi. *Tahdis: Jurnal Kajian Ilmu Al-Hadis*.
- Al-Karmi, M. (1998). *Al-Fawaid al-Maudhuah fi al-Ahadith al-Maudhuah*. Riyadh: Dar al-Warraq.
- Al-Razi, F. a.-D. (1999). *Mafatihul Ghayb=Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy.
- Al-Suyuthi, A. (t.t.). *Al-Durar al-Muntathirah*. Riyadh: Imadah Syuun al-Maktabat.
- Al-Tirmidhi, M. b. (1998). *Al-Jami' Al-Kabir Sunan Al-Tirmidhi*. Beirut: Dar al-Gharbi al-Islamiyy.
- Al-Ulwani, T. J. (2010). *Al-Imam Fakhr al-Din al-Razi wa Musonナfatuhu*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Firdaus. (2018). Studi Kritis Tafsir Mafatih al-Ghayb. *Al-Mubarak: Jurnal Kajian Al-Quran dan Tafsir* 3, 52-61.
- Ibn Asyur, M. F. (1970). *Al-Tafsir wa Rijaluhu*. Kaherah: Majmua'h al-Buhuth al-Islamiah.
- Ibrahim, S. (1984). *Ulum al-Hadis wa Mustolahuhu*. Beirut: Dar al-Ilmi li al-Malayin.
- Jamal, K., Siraj Harahap, N., & Dalimunthe, D. (2020). Warna dalam Al-Quran Perspektif Fakhr Al-Din Al-Razi. *Jurnal Aqlam*, 152-170.
- Jawad, A. (t.t.). *Mudkhil ila al-Tafsir wa Ulum al-Quran*. Kaherah: Dar al-Bayan.
- Khan, S., & Ullah, I. (2018). A scholarly review of some Dhaeef narration in Imam Fakhr al-Din al-Razi tafsir Mafatih al-Ghayb" (Surah al-Zumar Ayat 53 to Surah Fussilat). *Tahdhib Al-Afkar*, 41-51.
- Mahmood, S., Al-Azhari, M., & Irfanullah. (2021). A Scholarly Review of The Methodology of Imam Fakhr al-Din al-Razi in Tafsir Mafatihul Ghayb (Tafsir al-Kabir). *Journal of Applied Environmental and Biological Sciences*, 88-95.
- Marpaung, & Malik, I. (2014). Melihat Sekilas Imam Fakhr al-Din al-Razi (544-606H/1149-1209M). *Jurnal Studi Agama dan Pemikiran Islam*, 155-170.
- Mohd Shukri. (2020). Hadith Palsu di Malaysia: Tinjauan Perkembangan dan Keberadaannya di dalam Kitab-kitab Jawi Silam dan Buku-buku Agama Terpilih. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 141-164.
- Muslim, I. a.-H.-H.-Q.-N. (t.t.). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' Turath al-Arabiyy.
- Nur, A. (2020). *Muatan Aplikatif Tafsir bil Ma'thur & bi al-Ra'y*. Yogyakarta: Kalimedia.
- Rosyanti, I. (2018). Penggunaan Hadis dalam Tafsir al-Maraghi. *Diroyah: Jurnal Studi Ilmu Hadis* 2, 137-146.
- Sasyanto, Tistigar, & Fakhrioh, A. (2018). Konsep Ilmu Menurut Fakhr al-Din al-Razi. *Jurnal Studi Agama dan Pemikiran Islam*, 160-177.
- Setiawan, T., & Romdoni, M. (2021). Analisis Manhaj Khusus dalam Tafsir Mafatihul Ghayb Karya al-Razi. *Jurnal Iman dan Spiritualitas*, 46-60.
- Tarmizi, L. (2020, April 7). Retrieved from Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-afkar/4412-al-afkar-107-nikmat-melihat-allah-swt-di-syurga>
- Yana, R. F., Ahmad Syawaluddin, F., & Nur Siagian, T. (2020). Tafsir Bil Ra'yi. *Pena Cendekia*, 1-6.